

**NO. SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN  
ISMAIL [PAYA BESAR]**

**TARIKH : 26 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9966**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan usaha proaktif Kementerian menaik taraf  
unit kepada Bahagian Anti Keganasan bagi memegang tanggungjawab  
lebih besar menghalang aktiviti keganasan di negara ini.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kebanyakan negara telah menubuhkan Jabatan khusus merangkumi aspek pengumpulan maklumat risikan, operasi, pendakwaan, pemulihan dan *community engagement* bagi menangani ancaman keganasan berikutan insiden serangan di World Trade Center (WTC), New York, Amerika Syarikat pada 11 September 2001.

Siri ancaman oleh kumpulan pengganas ini memberi cabaran yang besar kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk memastikan keadaan keselamatan negara terus stabil.

Kejadian serangan di beberapa buah lokasi di seluruh dunia memerlukan PDRM lebih berwaspada dan mengambil langkah-langkah kawalan keselamatan yang ketat. Seajar dengan itu, kawalan keselamatan di pintu-pintu masuk dan perbatasan negara serta kawasan tumpuan umum yang lain akan terus dipertingkatkan.

Sehubungan itu, PDRM berusaha gigih untuk meningkatkan lagi jaringan kerjasama dengan pihak keselamatan di seluruh dunia khususnya bagi membantu meningkatkan usaha pengumpulan serta perkongsian maklumat risikan. Penggabungan aspek pengumpulan risikan, operasi, pendakwaan, pemulihan dan *community engagement* adalah penting bagi membolehkan PDRM mengambil tindakan proaktif dan langkah berjaga-jaga untuk menangani ancaman keganasan.

Pengalaman yang lepas dalam menangani masalah keselamatan berunsur keganasan seperti Jemaah Islamiah (JI), Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Al-Maunah, Tuhan Harun dan Pegganas Sulu di Lahad Datu membuktikan betapa pentingnya tindakan diambil bagi mencegah sebarang insiden keganasan daripada berlaku. Langkah untuk memperkasa serta menambahbaik Bahagian *Counter-Terrorist* PDRM dalam menangani ancaman keganasan adalah perlu untuk jangka masa panjang memandangkan ancaman keganasan masih berterusan di peringkat domestik dan global.

Justeru, cadangan untuk memperkasakan Bahagian *Counter-Terrorist* khusus untuk mendepani ancaman keganasan ialah satu langkah yang wajar dan tepat, bersesuaian dengan trend ancaman keganasan pada masa kini. Setakat ini, kelulusan perjawatan Bahagian *Counter-Terrorist* di peringkat Kontinjen telah memberi kesan yang cukup positif serta berkesan dalam memerangi isu militan Daesh di Malaysia. Namun, kekuatan sedia ada masih belum mencukupi dan Bahagian *Counter-Terrorist* memerlukan pertambahan perjawatan untuk memenuhi keperluan dalam usaha menangani ancaman Daesh yang merupakan isu keselamatan utama negara ketika ini.